

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 09 September 2024



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, JULAI 2024

Penganggur pada bulan Julai terus berkurang kepada 563.7 ribu orang, dengan kadar pengangguran 3.3 peratus

PUTRAJAYA, 9 SEPTEMBER 2024 – Penganggur pada bulan Julai terus berkurang kepada 563.7 ribu orang, dengan kadar pengangguran 3.3 peratus, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Julai 2024**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi bulan Julai 2024, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pasaran buruh negara kekal stabil, susulan kedudukan ekonomi negara yang semakin berkembang pesat, merekodkan peningkatan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala bilangan penganggur semakin berkurangan. Oleh itu, bilangan tenaga buruh pada bulan Julai 2024 terus bertambah dengan merekodkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus kepada 17.20 juta orang (Jun 2024: 17.17 juta orang). Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh tidak berubah iaitu pada 70.4 peratus seperti pada bulan Jun 2024."

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa bilangan penduduk bekerja terus meningkat pada bulan Julai 2024 sebanyak 0.2 peratus kepada 16.63 juta orang (Jun 2024: 16.61 juta orang). Sementara itu, bilangan penganggur terus berkurang sebanyak 0.3 peratus kepada 563.7 ribu orang berbanding 565.3 ribu orang yang direkodkan pada bulan Jun 2024. Kadar pengangguran pada bulan tersebut kekal pada 3.3 peratus seperti bulan sebelumnya.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai situasi guna tenaga, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Pada bulan Julai 2024, sebahagian besar penduduk bekerja adalah dalam kategori pekerja, merangkumi 75.0 peratus. Kategori ini naik sebanyak 0.1 peratus kepada 12.48 juta orang (Jun 2024: 12.46 juta orang). Pada masa yang sama, kategori penduduk bekerja sendiri kekal dalam trend meningkat, bertambah sebanyak 0.3 peratus kepada 3.07 juta orang (Jun 2024: 3.06 juta orang)."

Mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus merekodkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti Perkhidmatan makanan & minuman; Perdagangan borong & runcit; dan Pengangkutan & penyimpanan. Begitu juga, sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian serta Pertanian turut mencatatkan trend positif dalam bilangan guna tenaga.

Mengulas lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan Julai, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif meliputi 80.0 peratus daripada jumlah penganggur. Kategori ini mencatatkan penurunan sebanyak 0.3 peratus kepada 450.7 ribu orang (Jun 2024: 451.9 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan merangkumi 61.5 peratus, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun adalah sebanyak 6.9 peratus. Begitu juga, penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, turun sebanyak 0.4 peratus kepada 113.0 ribu orang (Jun 2024: 113.4 ribu orang).

Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun pada bulan Julai 2024 tidak berubah iaitu pada 10.5 peratus dengan bilangan penganggur belia seramai 304.5 ribu orang (Jun 2024: 10.5%; 305.0 ribu orang). Pada masa yang sama, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun juga kekal pada 6.5 peratus, merekodkan 433.1 ribu penganggur belia berbanding bulan sebelumnya (Jun 2024: 6.5%; 434.2 ribu orang).

Bagi mereka yang tidak berada dalam tenaga buruh, bilangan penduduk di luar tenaga buruh turun sedikit sebanyak 0.01 peratus kepada 7.23 juta orang pada bulan Julai 2024 (Jun 2024: 7.23 juta orang). Komposisi utama bagi luar tenaga buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga, merangkumi 42.8 peratus, manakala bersekolah/ latihan berada di kedudukan kedua dengan 41.4 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, landskap ekonomi Malaysia terus berkembang, terutamanya disokong oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah, pasaran buruh yang terus positif dan sokongan dasar yang lebih besar, begitu juga peningkatan eksport barang dan ketibaan pelancong yang lebih tinggi, serta pengembangan kukuh dalam aktiviti pelaburan. Oleh itu, perkembangan yang menggalakkan dalam aktiviti ekonomi dan perniagaan, akan membawa kepada pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan serta pendapatan dalam ekonomi, sekali gus akan menggalakkan lebih


banyak penyertaan buruh dalam pasaran. Selaras dengan itu, kedudukan pasaran buruh Malaysia dijangka akan terus berdaya saing dan stabil pada bulan-bulan seterusnya selari dengan prestasi ekonomi negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Julai 2021 - Julai 2024



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Julai 2021 - Julai 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
09 SEPTEMBER 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, September 9th 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, JULY 2024

July's unemployed declined further to 563.7 thousand persons, with an unemployment rate of 3.3 per cent

PUTRAJAYA, SEPTEMBER 9, 2024 – July's unemployed declined further to 563.7 thousand persons, with an unemployment rate of 3.3 per cent, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, July 2024**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall performance for July 2024, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The country's labour market remained stable, following the country's growing economic position, recording a steadily increasing number of employed persons, while the number of unemployed is decreasing. Therefore, the number of labour force in July 2024 improved further by recording an increase of 0.1 per cent to 17.20 million persons (June 2024: 17.17 million persons). Meanwhile, the labour force participation rate was unchanged at 70.4 per cent as of June 2024.”

Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the number of employed persons continued to rise in July 2024 by 0.2 per cent to 16.63 million persons (June 2024: 16.61 million persons). Meanwhile, the number of unemployed persons continued to reduce by 0.3 per cent to 563.7 thousand persons as compared to 565.3 thousand persons recorded in June 2024. The unemployment rate during the month remained at 3.3 per cent as in the previous month.

Explaining further on the employment situation, the Chief Statistician Malaysia said, “In July 2024, most of the employed persons were in the employees' category, accounting for 75.0 per cent. This category rose by 0.1 per cent to 12.48 million persons (June 2024: 12.46 million persons). On the same note, the own-account

workers category remained its upward trend, increased by 0.3 per cent to 3.07 million persons (June 2024: 3.06 million persons)."

In terms of economic sector, the Services sector continued to record increases in the number of employed persons, largely in Food & beverage services; Wholesale & retail trade; and Transportation & storage activities. Likewise, the Manufacturing, Construction, Mining & quarrying and Agriculture sectors also registered positive growth in the number of employments.

Elaborating further on the unemployment situation in July, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that those who were available for work and were actively seeking jobs or the actively unemployed comprised 80.0 per cent of the total unemployed persons. This category registered a decrease of 0.3 per cent to 450.7 thousand persons (June 2024: 451.9 thousand persons). By duration of unemployment for the actively unemployed, those who were unemployed for less than three months made up 61.5 per cent, while those who were in long-term unemployment for more than a year were 6.9 per cent. Similarly, the inactively unemployed or those who believed that there were no jobs available, edged down by 0.4 per cent to 113.0 thousand persons (June 2024: 113.4 thousand persons).

The unemployment rate for youth aged 15 to 24 years in July 2024 remained unchanged at 10.5 per cent with the number of unemployed youths of 304.5 thousand persons (June 2024: 10.5%; 305.0 thousand persons). On the same note, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years also stood at 6.5 per cent, recording 433.1 thousand unemployed youths compared to the preceding month (June 2024: 6.5%; 434.2 thousand persons).

As for those who were not participating in the labour force, the number of persons outside the labour force decreased marginally by 0.01 per cent to 7.23 million persons in July 2024 (June 2024: 7.23 million persons). The major composition for the outside labour force was housework/ family responsibilities, accounting for 42.8 per cent, while schooling/ training ranked second with 41.4 per cent.

Concluding the statement, Malaysia's economic landscape continues to expand, mainly supported by rising household spending, a continuing positive labour market and greater policy support, as well as the increase in exports of goods and higher tourist arrivals, and a strong expansion in investment activities. Therefore, encouraging developments in economic and business activities will lead to the creation of more job opportunities and incomes in the economy, which will encourage more labour participation in the market. Accordingly, Malaysia's labour market position is foreseen to remain competitive and stable in the upcoming months in line with the country's economic performance.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agricultural Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development".

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Employed persons, Malaysia, July 2021 - July 2024





Chart 2: Unemployment, Malaysia, July 2021 - July 2024



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

09 SEPTEMBER 2024